

# UiTM Negeri Sembilan anjur program hentikan gangguan seksual

Oleh Mohd Amin Jalil - Julai 2, 2024 @ 6:39pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Sebahagian pelajar UiTM Negeri Sembilan yang menghadiri program hentikan gangguan seksual di UiTM Rembau. - Foto UiTM Rembau.

REMBAU: Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan mengambil inisiatif membendung masalah gangguan seksual dalam kalangan belia melalui penganjuran program hentikan gangguan seksual.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Aisyah Hamdan, berkata program itu inisiatif mereka dalam usaha untuk membantu mangsa gangguan seksual.

"Kami berharap ini serba sedikit dapat mendidik mangsa gangguan seksual supaya tidak menyalahkan diri sendiri serta menyedari punca sebenarnya datangnya daripada pelaku," katanya di sini, hari ini.

Program yang berlangsung di UiTM Kampus Rembau kelmarin dan dihadiri kira-kira 200 pelajar universiti itu.

Aisyah berkata, mangsa perlu melaporkan perkara berkenaan kepada pihak berkuasa atau pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuang hak mangsa jenayah seksual ini.

"Kami yakin program ini dapat memberi banyak manfaat terutama dalam meningkatkan kesedaran belia mengenai gangguan seksual, termasuk dari aspek perundangan," katanya.

Antara pengisian program ialah ceramah oleh Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang UiTM Shah Alam, Mimi Sintia Mohd Bajury dan Pengarah Pejabat Pembangunan Wanita, Melaka, Nurul Huda Kamarul Zahari.